

Cegah isu daripada berulang

Kerajaan disaran menguatkuasakan undang-undang dengan tegas

Oleh NURUL NABILA AHMAD HALIMY SHAH ALAM

Kerajaan disaran menguatkuasakan undang-undang dengan tegas bagi memastikan mana-mana rumah ibadat yang telah dibina secara haram di atas tanah milik orang lain, dipindahkan atau tanah itu dibeli pengurusan rumah ibadat berkenaan bagi mengelak pertikaian berulang pada masa hadapan. Pakar perlembagaan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, undang-undang sedia ada sudah jelas memperuntukkan peraturan larangan mendirikan apa-apa jua bangunan termasuk rumah ibadat di tanah milik berdaftar.

Menurutnya, perkara itu tidak wajar dipolemik hingga mencabar hak pemilik tanah berdaftar dan sudah tiba masa kerajaan perlu tegas menguatkuasakan peruntukan Perကာ 11(2) Perlembagaan Persekutuan dalam mengawal hal ehwal agama bukan Islam.

"Isunya timbul apabila slogan kedaulatan undang-undang dan keluhuran

Perlembagaan hanya bermain di bibir sesetengah pejuang hak asasi yang cuba menanggung di air keruh dalam isu kuil ini.

"Mereka sebenarnya bermain dengan api dan menyentuh isu 3R (agama, raja, kaum) yang boleh mengganggu keharmonian negara," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Wan Ahmad Fauzi berkata, bagi mereka yang bukan beragama Islam, pembinaan rumah ibadat adalah tertakluk kepada undang-undang Persekutuan sedia ada.

"Dari sudut kawalan dan amalan agama, mereka boleh menubuhkan institusi sendiri bagi maksud khairat serta memiliki harta mengikut undang-undang," katanya.

Pada 19 Mac lalu, pemindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman bagi memberi laluan kepada pembinaan sebuah masjid di atas tanah milik syarikat swasta di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur telah mencetuskan kontroversi.

Namun kemelut akhirnya menemui kata putus apabila pengurusan kuil berkenaan bersetuju untuk rumah ibadat itu dipindahkan ke lokasi baharu.

Sementara itu, peguam, Dr Shamsheer Singh Thind mencadangkan satu kajian terperinci dilakukan terhadap semua kuil Hindu di Malaysia bagi memastikan status tanah yang didirikan rumah ibadat tersebut jelas dan sah.

"Saya cadangkan wakil rakyat Hindu buat kajian terperinci terhadap semua kuil Hindu bagi memastikan ia dibina atas tanah milik sendiri, pajakan sah atau ada kebenaran bertulis daripada tuan tanah.

"Sekiranya alasan diberi tidak muna-



Pihak pengurusan Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman akhirnya setuju pindah 50 meter dari lokasi asal



DR WAN AHMAD FAUZI



DR SHAMSHER SINGH

Tambahnya, Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan mengenai kebebasan beragama tidak boleh dijadikan alasan untuk melanggar hak pemilikan harta yang dijamin di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

"Namun, jika penjelasan AJK kuil itu munasabah seperti wujud kebenaran terdahulu daripada tuan tanah lama biarpun tuan tanah baharu tidak membenarkannya, maka kerajaan boleh membantu menyelesaikan isu ini.

"Pihak berkuasa boleh sediakan tapak baharu menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 jika sesuai atau meminta tuan tanah membayar 'ex gratia' supaya kuil itu boleh dipindahkan dengan baik," ujarnya lagi.

ELAK ISU RUMAH IBADAT 'HARAM' BERULANG

Pakar Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berpandangan kerajaan perlu kuatkuasa undang-undang dengan tegas bagi memastikan mana-mana rumah ibadat yang telah dibina secara haram di atas tanah milik orang lain, dipindahkan atau tanah itu dibeli pihak rumah ibadat berkenaan.

Pendakwah bebas, Firdaus Wong meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi penjelasan sama ada tanah ganti kepada pihak Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman diberikan secara percuma atau sebaliknya.

Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang membina rumah ibadat secara 'haram' bagi mengelakkan kes seperti Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur berulang lagi pada masa depan

MUKA 2 & 3

Dr Zaliha tegaskan kerajaan tidak menjanjikan atau meluluskan sebarang bentuk pampasan kepada Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman bagi menyelesaikan kemelut yang mencetuskan kontroversi tersebut seperti didakwa pihak tertentu.

Pihak berkuasa perlu tegas tangani isu rumah ibadat haram

SHAH ALAM - Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang membina rumah ibadat secara haram bagi mengelak kes seperti Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur, berulang sekali lagi, pada masa depan.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Ahmad Fahmi Mohd Samsudin berkata, pihaknya berharap penguatkuasaan undang-undang dari segi prosedur pembinaan rumah ibadat dapat diperkasakan.

Katanya, pembinaan rumah ibadat perlu diselia melalui undang-undang, bukan

hanya bergantung kepada garis panduan. "Pembinaan rumah ibadat secara haram mesti dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang yang berat atau tegas.

"Langkah ini juga merupakan satu bentuk tindakan yang tepat serta amat diperlukan untuk membina kerangka Malaysia Madani sebagai sebuah negara yang menjunjung undang-undang, meraikan kepelbagaian, dan memastikan keadilan ditegakkan tanpa kompromi," katanya.

Beliau berkata, ABIM berpandangan bahawa pembinaan mana-mana rumah

ibadat perlu mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

"Agama tidak boleh dijadikan alasan untuk melanggar undang-undang. Mana-mana pihak yang melanggar peraturan, termasuk atas nama agama, perlu dikenakan tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang negara.

"Sikap tegas yang ditunjukkan Perdana Menteri merupakan formula paling berkesan menangani isu yang telah dibiarkan berlalutan sehingga menjadi kronik.

"Ketegasan ini mencerminkan ke-

pimpinan yang bukan sahaja berani dan berprinsip, tetapi juga berhikmah serta mempunyai integriti tinggi," katanya.

Ahmad Fahmi berkata, ABIM percaya pendekatan berkenaan mampu meletakkan Malaysia sebagai model kepimpinan Islam yang progresif berlatarkan masyarakat majmuk.

Ujarnya, ABIM juga menyokong penuh ketegasan Perdana Menteri dalam menangani polemik membabitkan tapak pembinaan Masjid Madani serta Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Tuntut jawapan isu tanah ganti

la bagi membolehkan semua pihak tahu status rundingan dengan kuil

Oleh NURUL HUDA HUSAIN SHAH ALAM

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa untuk memberi penjelasan sama ada tanah ganti kepada pihak Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman diberikan secara percuma atau sebaliknya.

Pendakwah, Firdaus Wong berkata, penjelasan tersebut penting bagi membolehkan semua pihak mengetahui status rundingan kuil yang mendapat perhatian ramai itu.

"Semua pihak harus diberikan penjelasan sama ada kuil perlu membeli tanah tersebut atau diberi percuma atau kerajaan beli dan kemudiannya dijadikan sebagai hadiah. Kalau pihak kuil beli dengan harga pasaran, itu bagus.

"Tetapi, kalau diberi percuma atau kerajaan beli dan kemudiannya dijadikan hadiah ia tidak selesaikan masalah tapi akan menyebabkan lebih banyak masalah akan timbul. Ini juga akan jadi *bad precedent* yang akan dimanipulasi pen-

ceroboh tanah.

"Harap Datuk Seri Dr Zaliha dan pihak terlibat dedahkan rundingan sebenar. Kenapa tiba-tiba pihak kuil yang selama ini berkeras dan enggan pindah akhirnya setuju untuk pindah ke lokasi baharu yang hanya 50 meter dari tapak asal," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Media pada Selasa melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan kehadirannya ke majlis meletakkan batu asas bagi pembinaan Masjid Madani di tanah wakaf yang dimiliki syarikat tekstil, Jakel Group.

Menerusi perkembangan sama juga, pihak pengurusan Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman akhirnya bersetuju untuk berpindah ke tapak baharu tidak jauh dari kawasan itu, sekali gus meredakan kontroversi pemindahan rumah ibadah berkenaan.

Sementara itu ditanya mengenai saranan beliau terhadap mana-mana pihak yang berhasrat untuk membangunkan rumah ibadat bagi mengelak kontroversi sama berulang, Firdaus berkata, paling utama mematuhi undang-undang ditetapkan.

Ujarnya, pihak terlibat juga perlu memastikan infrastruktur yang ingin dibina dibangunkan di atas tanah yang dibeli sendiri serta membuat permohonan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Di pihak kerajaan dan PBT pula diharapkan tegas dalam menguatkuasakan undang-undang bagi mengelak sebarang kontroversi yang tidak diinginkan nanti," katanya.



FIRDAUS

Kerajaan nafi bayar pampasan tertentu selesaikan kemelut kuil

SHAH ALAM - Kerajaan tidak menjanjikan atau meluluskan sebarang bentuk pampasan kepada Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman bagi menyelesaikan kemelut yang mencetuskan kontroversi tersebut seperti didakwa pihak tertentu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menegaskan, tiada sebarang perjanjian dibuat selain daripada penyelesaian yang beliau umumkan secara rasmi pada Selasa.

"Keputusan diambil hasil perbincangan secara harmoni antara semua pihak terlibat dan bersifat menang-menang.

"Yang paling utama, pembinaan masjid yang telah tertangguh sejak tahun 2020 di atas tanah milik swasta tersebut dapat diteruskan seperti yang dirancang, manakala pihak kuil pula bersetuju untuk berpindah ke lokasi alternatif yang telah di-

kenal pasti," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam masa sama turut menegaskan kes membabitkan kuil itu tidak boleh dijadikan sebagai rujukan untuk mana-mana kes lain pada masa akan datang.

Ini kerana katanya, kes berkenaan merupakan penyelesaian khusus kepada isu tersebut yang ditangani dengan penuh hikmah, mengikut lunas undang-undang dan mempertimbangkan sensitiviti pelbagai pihak.

"Saya menggesa agar semua pihak menghentikan polemik yang tidak berfaedah ini. Janganlah kita mengapi-apikan sentimen agama atau perkauman berdasarkan maklumat yang tidak sahih, kerana ia boleh menggugat keharmonian dan perpaduan yang telah kita bina bersama," katanya.